

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001**

SEPTEMBER/OKTOBER 2000

RHS 501 – PERUMAHAN DAN ASPEK SOSIO-EKONOMI

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

BAHAGIAN A (Jawab SEMUA soalan)

1. Bincangkan permasalahan ekoran daripada anggapan konvensional dalam perumahan yang melihat perumahan sebagai hasil atau produk semata-mata.

(20 MARKAH)

2. Berapa isu sering dikaitkan dengan perumahan di negara ini. Antaranya termasuklah :

- a) Sistem bina dan jual atau sebaliknya.
- b) Kurangnya penumpuan kepada perumahan golongan berpendapatan sederhana dan tinggi.

Bincangkan isu-isu ini dan kemukakan cadangan yang difikirkan sesuai untuk menangani masalah perumahan yang berkaitan dengannya.

(20 MARKAH)

3. Terangkan bagaimana senario pembangunan di Jepun memberi kesan terhadap suasana perumahan dan masalah sosial di kalangan masyarakatnya.

(20 MARKAH)

BAHAGIAN B (Jawab DUA soalan sahaja)

4. Di kawasan bandar aspek dan proses perbandaran merupakan isu yang penting dalam perancangan dan pembekalan perumahan kos rendah. Jelaskan.

(20 MARKAH)

5. Bagaimanakah pihak swasta boleh dipergiatkan lagi dalam pembekalan perumahan kos rendah terutama sekali di kawasan bandar di Malaysia.

(20 MARKAH)

6. Ada pendapat yang mengatakan bahawa kerajaan seharusnya menjadikan pembekalan perumahan kos rendah sebagai satu insentif kepada pemaju dan bukannya paksaan. Jelaskan kaedah yang sesuai bagi menjadikan pembekalan tersebut sebagai satu insentif dan kesannya terhadap perkembangan perumahan di negara ini.

(20 MARKAH)

7. Bincangkan strategi yang diambil oleh kerajaan Korea didalam menangani masalah perumahan rakyat serta implikasi yang timbul kesan dari strategi-strategi tersebut.

(20 MARKAH)